



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/02/14 (HQ)

### MENYAMPAIKAN BANTUAN SEKOLAH UNTUK ANAK ORANG ASLI SK SUNGAI TIANG

Menyedari para guru mahu pun ibu bapa tidak upaya hadir Program Back to School di Stesen Janaelektrik (SJ) Bersia, lebih 20 warga kerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) sanggup meredah kawasan pedalaman Hutan Belum demi menyampaikan bantuan persekolahan Program Back to School, (BTS) kepada anak-anak Orang Asli, baru-baru ini.

Perjalanan penuh liku menaiki kenderaan pacuan empat roda dari Bersia ke Pengkalan Trojan selama hampir setengah jam, diikuti lebih sejam menaiki bot melalui Tasik Temenggor sehingga ke Tasik Belum dan berjalan kaki menuju perkampungan Orang Asli Sungai Tiang.

Penerima termasuk kira-kira 46 murid-murid Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Tiang yang menerima beg penuh berisi baju, seluar, stokin, kasut serta alat tulis.

“Alhamdulillah pihak sekolah amat berbesar hati atas keprihatinan TNB. Tiada lain yang dapat menggembirakan hati anak-anak ini daripada mendapat kelengkapan sekolah serba baharu seperti mana anak-anak di desa dan di bandar-bandar; sama seperti lirik lagu sekolah ini, biar jauh di rimba, hatiku tetap ceria,” kata Guru Besar sekolah terbabit, Mohamad Sharapi Samsun.

Anak-anak dan guru-guru ini perlu berjalan kaki dan menaiki bot sebelum menaik mananya pengangkutan darat sama ada kereta atau bas jika mahu hadir ke SJ Bersia. Memahami situasi ini, anggota kerja SJ Bersia bersama wakil-wakil persatuan dalaman TNB sepakat berkunjung ke sekolah mereka.

TNB juga aktif di Kampung Orang Asli Sungai Tiang, dengan melibatkan diri dengan projek pengurusan sumber perikanan bagi ikan kelah di situ.

Kunjungan membawa bantuan ke SK Sungai Tiang ini turut disertai kelab-kelab dan persatuan-persatuan dalam TNB.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 9 Februari 2019, jam 1.30 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 / Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*